# KOMPILASI SOALAN DAN SKEMA
# PEPERIKSAAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023
# PENDIDIKAN ISLAM

## SOALAN 3
## BAHAGIAN FEQAH

NEGERI SEMBILAN
PULAU PINANG
TERENGGANU
PUTRAJAYA
KELANTAN
SELANGOR
SARAWAK
PAHANG
MELAKA
PERLIS
SABAH
KEDAH
PERAK
JOHOR
SBP

DISUSUN OLEH
USTAZAH ROHANA BINTI SULONG
ZulHana7096@UstazahRohana
SEK. MEN. KEB. BUKIT DIMAN
HULU TERENGGANU, TERENGGANU

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | IBADAT HAJI DAN UMRAH | |
| 1 | Apakah hukum menunaikan ibadah haji ***(2 markah)***<br><br>***Hukum menunaikan ibadah haji:***<br>- Wajib sekali seumur hidup (1m)/ individu mukallaf / bagi yang berkemampuan.(1m)<br>● ***Wajib sahaja tidak diterima.*** | Kelantan |
| 2 | Senaraikan bulan-bulan haji. ***(2 markah)***<br><br>***Bulan - bulan haji :***<br>- Syawal.<br>- Zulkaedah.<br>- 1 hingga 13 Zulhijjah.<br>● ***Zulhijjah sahaja tidak diterima.*** | Kelantan |
| 3 | Nyatakan maksud umrah. ***[2 markah]***<br><br>***Maksud umrah ialah***<br>- mengunjungi Baitullah al-Haram pada bila-bila masa / untuk mengerjakan ibadat tertentu / menurut syarat-syaratnya. | Melaka |
| 4 | Apakah maksud haji? (***2 markah)***<br><br>***Maksud Haji ialah***<br>- Mengunjungi baitullah al-haram pada bulan bulan haji / untuk mengerjakan ibadat tertentu / menurut syarat-syaratnya. | Perak<br>Johor<br>Sabah<br>SBP<br>Kedah |
| 5 | Senaraikan **dua** rukun haji. ***[2 markah]( Kedah 4 rukun)***<br><br>***Dua rukun haji ialah:***<br>- Niat mengerjakan haji/ niat ihram.<br>- Wukuf di Arafah.<br>- Tawaf di Kaabah/Baitullah.<br>- Saie.<br>- Bergunting atau bercukur rambut.<br>- Tertib pada kebanyakkan rukun. | Sarawak<br>Kedah<br>Putrajaya 1 |
| 6 | Nyatakan **dua** syarat wajib haji selain Islam.( ***2 markah)***<br>***Nyatakan dua syarat wajib haji dan umrah (Pahang)***<br>***Nyatakan empat syarat wajib haji dan umrah (4 markah)***<br><br>***Dua syarat wajib haji***<br>- Islam<br>- Baligh<br>- Berakal<br>- Merdeka<br>- Mampu (Istita'ah) | Perak<br>Pahang<br>Perlis<br>Sabah<br>SBP<br>N9<br>Putrajaya 1<br>Selangor 2 |
| 7 | Nyatakan dua ciri berkemampuan dalam haji dan umrah ***(2 markah)***<br><br>***Dua ciri kemampuan bagi jemaah haji dan umrah :***<br>- Cukup perbelanjaan pergi dan balik<br>- Ada kenderaan pergi dan balik<br>- Sihat tubuh badan<br>- Aman perjalanan pergi dan balik<br>- Cukup keperluan asas tanggungan yang ditinggalkan | Johor<br>Selangor 2 |

<table>
<tr><th>NO</th><th>SOALAN DAN SKEMA</th><th>NEGERI</th></tr>
<tr><td>8</td><td>Nyatakan dua ciri berkemampuan dari aspek perbelanjaan<br>(2 markah)<br><br>Dua ciri kemampuan dari aspek perbelanjaan<br>- Cukup perbelanjaan pergi dan balik<br>- Cukup keperluan asas tanggungan yang ditinggalkan</td><td>N9</td></tr>
<tr><td>9</td><td>Jelaskan waktu bermula dan berakhir wukuf di Padang Arafah.<br>(2 markah)<br><br>Waktu bermula dan berakhir wukuf di Padang Arafah<br>- Waktu bermula : waktu zohor 9 Zulhijjah<br>- Waktu bermula : sebelum masuk waktu Subuh pada 10 Zulhijjah</td><td>Terengganu</td></tr>
<tr><td>10</td><td>Jelaskan dua perkara wajib haji. [2 markah]<br>Dua perkara wajib haji<br>- Niat ihram di miqat<br>- Bermalam (mabit) di Muzdalifah<br>- Melontar 7 anak batu di Jamrah Kubra<br>- Bermalam (mabit) di Mina<br>- Melontar 7 anak batu ketiga-tiga Jamrah<br>- Menjauhi larangan Ihram</td><td>Melaka</td></tr>
<tr><td>11</td><td>Nyatakan jenis miqat. (2 markah)<br><br>Dua jenis miqat<br>- Miqat Zamani<br>- Miqat makani</td><td>Terengganu</td></tr>
<tr><td>12</td><td>Senaraikan dua larangan ihram khusus bagi lelaki (2 markah)<br><br>Dua larangan ihram khusus bagi lelaki :<br>- Menutup kepala<br>- Memakai pakaian berjahit/ bercantum</td><td>Johor</td></tr>
<tr><td>13</td><td>Senaraikan dua jenis haji. (2 markah)<br><br>Dua jenis haji<br>- Haji Ifrad<br>- Haji Tamattuk<br>- Haji Qiran</td><td>Terengganu</td></tr>
<tr><td>14</td><td>Terangkan perbezaan ibadat haji dan umrah dari aspek waktu dan rukun. (4 markah)<br><br>Perbezaan ibadat haji dan umrah dari aspek waktu dan rukun<br><table><tr><th>ASPEK</th><th>HAJI</th><th>UMRAH</th></tr><tr><td>WAKTU</td><td>Dikerjakan pada bulan haji sahaja.</td><td>Pada bila-bila masa sepanjang tahun</td></tr><tr><td>RUKUN</td><td>Wajib wukuf</td><td>Tiada wukuf</td></tr></table></td><td>Perak<br>Kelantan</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>NO</th><th>SOALAN DAN SKEMA</th><th>NEGERI</th></tr>
<tr><td>15</td><td>Jelaskan dua perbezaan antara ibadat haji dan umrah. [4 markah]<br><br><u>Dua perbezaan haji dan umrah</u>
<table>
<tr><th>ASPEK</th><th>HAJI</th><th>UMRAH</th></tr>
<tr><td>WAKTU</td><td>Dikerjakan pada bulan haji sahaja.</td><td>Pada bila-bila masa sepanjang tahun</td></tr>
<tr><td>RUKUN</td><td>Wajib wukuf</td><td>Tiada wukuf</td></tr>
<tr><td rowspan="4">PERKARA WAJIB</td><td>Bermalam di Muzdalifa</td><td>Tiada bermalam di Muzdalifah</td></tr>
<tr><td>Melontar 7 anak batu di tiga Jumrah</td><td>Tiada melomtar 7 anak batu di Tiga Jumrah</td></tr>
<tr><td>Bermalam di Mina</td><td>Tiada bermalam di Mina</td></tr>
<tr><td>Melontar 7 anak batu di Jumrah Kubra</td><td>Tiada melontar 7 anak batu di Jumrah Kubra</td></tr>
</table></td><td>Melaka<br>Pahang<br>Perlis<br>Sabah<br>Sarawak<br>Kedah<br>N9<br>Putrajaya 1</td></tr>
<tr><td>16</td><td>Terangkan hikmah mengerjakan haji . (2 markah)<br><br>Hikmah mengerjakan haji:<br>- Menghapuskan dosa dan meraih ganjaran syurga (1m) / kerana pengorbanan harta dan tenaga dalam melaksanakan perintah Allah SWT. (1m)<br>- Menzahirkan ketaatan dalam melaksanakan perintah Allah SWT (1m) / bagi mencapai kasih sayang dan rahmat daripada Allah SWT.(1m)<br>- Saling mengenal sesama umat Islam (1m) / walaupun berbeza bangsa dan negara.(1m)<br>- Menzahirkan kekuatan umat Islam (1m) / agar digeruni oleh umat lain.(1m)<br>- Menyemarakkan perkembangan Dakwah Islam (1m) / ke seluruh alam. (1m)<br>- Meningkatkan taraf hidup umat Islam dengan menabung dalam Tabung Haji (1m) / supaya dana umat Islam meningkat.(1m)<br>- meningkatkan dana umat Islam (1m) / agar menjamin kekuatan ekonomi negara Islam (1m)</td><td>Kelantan<br>Sarawak</td></tr>
<tr><td>17</td><td>Terangkan dua hikmah haji dan umrah dari aspek ekonomi (4 markah)<br><br>Dua hikmah haji dan umrah dari aspek ekonomi :<br>- Meningkatkan taraf hidup umat Islam (1m) dengan menabung dalam Tabung Haji.(1m)<br>- Meningkatkan dana umat Islam (1m) dengan menggalakkan mereka menyimpan di Tabung Haji (1m)<br>- Mewujudkan sumber pendapatan baharu (1m) bagi memberi nilai tambah kepada para penyimpan melalui pelaburan yang dijalankan oleh pihak Tabung Haji (1m)</td><td>Johor<br>Putrajaya 1</td></tr>
<tr><td>18</td><td>Nyatakan hukum kepada perkara berikut: (2 markah)<br>1) Memperbanyakkan talbiah selepas berihram.<br>2) Penggunaan payung dan kaca mata hitam ketika ihram.<br>Hukum perkara tersebut ialah<br>(1) Sunat<br>(2) Harus</td><td>Sarawak</td></tr>
</table>

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | MUAMALAH ISLAM | |
| 1 | Nyatakan maksud akad dalam muamalat islam ***(2 markah***)<br><br>***Maksud Akad dalam muamalah Islam ialah***<br>- Ijab dan kabul dalam urusan perniagaan dan kewangan | Selangor |
| 2 | Jelaskan dua syarat bagi perkara yang diakadkan ***(4 markah)***<br><br>***Dua syarat bagi perkara yang diakadkan***:<br>- Mestilah wujud ketika akad berlaku<br>- Barang atau perkhidmatan yang diakadkan adalah halal<br>- Dapat diserahkan ketika akad | Selangor |
| 3 | Nyatakan dua unsur yang diharamkan dalam muamalah Islam ***(2 markah)***<br>Senaraikan empat unsur yang diharamkan dalam muamalat Islam ***(4 markah)***<br>***Dua unsur yang diharamkan dalam muamalah Islam***<br>- Riba<br>- Judi<br>- Gharar<br>- Dharar | N9<br>Pulau Pinang |
| 4 | Jelaskan dua matlamat pensyariatan muamalat dalam Islam ***(4 markah)***<br><br>***Dua matlamat pensyariatan muamalat dalam islam***<br>- Menunjukkan keadilan Allah SWT dalam mengatur urusan kehidupan manusia<br>- Mengiktiraf pemilikan harta melalui akad yang sah<br>- Segala urusan dalam muamalat Islam bertepatan dengan matlamat syariat Islam<br>- Menjaga kepentingan penjual dan pembeli serta penyewa dan pemilik<br>- Mendapat keredhaan Allah SWT kerana melakukan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya | Pulau Pinang |
| | PERKAHWINAN DALAM ISLAM | |
| 1 | Nyatakan maksud wali ***(2 markah)***<br>***Wali ialah :***<br>- Orang yang mempunyai kelayakan untuk menikahkan pengantin perempuan | Pulau Pinang<br>Selangor 2 |
| 2 | Nyatakan dua jenis wali ***(2 markah)***<br>***Dua jenis wali***<br>- Wali mujbir<br>- Wali bukan mujbir | Pulau Pinang |
| 3 | Senaraikan dua syarat wali ***(2 markah)***<br><br>***Dua syarat wali ialah***<br>- Islam<br>- Lelaki<br>- Baligh<br>- Berakal<br>- Adil<br>- Merdeka<br>- Tidak dalam ihram haji atau umrah<br>- Tidak dipaksa mewalikan<br>- Tidak dalam penyakit yang mencacatkan fikiran<br>- Mampu menguruskan hartanya | Pulau Pinang<br>Selangor 2 |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 4 | Jelaskan dua sebab perpindahan wali nasab kepada wali hakim ***(4 markah)***<br><br>***Dua sebab perpindahan wali nasab kepada wali hakim***<br>- Tidak mempunyai wali nasab<br>- Wali nasab berada jauh melebihi 2 marhalah<br>- Wali hilang dan tidak dapat dikesan<br>- Saudara baru (mualaf) yang tiada wali nasab lain<br>- Anak tidak sah taraf<br>- Wali dalam ihram haji atau umrah<br>- Wali enggan mewalikan pernikahan<br>- Wali sendiri yang mahu berkahwin dengan perempuan itu dan tiada wali setaraf (sepupu) | Pulau Pinang<br>Selangor 2 |
| 5 | Jelaskan implikasi perkahwinan yang tidak mengikut syariat dan undang-undang**.**<br>**[2 *markah*]**<br><br>***Implikasi perkahwinan yang tidak mengikut syariat dan undang-undang Islam :***<br>- Pasangan boleh didenda jika dikaitkan derngan kesalahan berkahwin tanpa mengikut saluran yang betul bagi negeri masing-masing.<br>- Pasangan terpaksa dipisahkan jika didapati perkahwinan tidak sah mengikut hukum syarak.<br>- Isteri tidak mempunyai dokumen yang sah untuk membuat sebarang tuntutan seperti hadanah dan harta pusaka jika berlaku kematian suami.<br>- Kesukaran mendaftar kelahiran anak untuk mendapatkan sijil kelahiran.<br><br>****Mana-mana jawapan yang munasabah diterima*** | Putrajaya 1 |
| 6 | Nyatakan hukum bagi perkara berikut<br>a) Aminah bernikah dengan berwali hakim kerana wali nasab tidak dapat dikesan<br>b) Sarah bernikah dengan berwalikan adik lelaki ibunya<br><br>***Hukum bagi situasi tersebut***<br>a) Sah<br>b) Tidak sah | Selangor 2 |
| 7 | ***Nyatakan hukum bagi perkara berikut:***<br>- Penjagaan anak yang belum mumaiyiz.<br>- Isteri enggan mematuhi perintah suami supaya menunaikan solat<br><br>***Hukum perkara berikut:***<br>- Penjagaan anak yang belum mumayyiz – wajib.<br>- Isteri enggan mematuhi perintah Allah untuk menunaikan solat – haram | Putrajaya 2 |
| | **TALAK** | |
| | Talak merupakan salah satu isu yang berkaitan dengan perkahwinan. | |
| 1 | Apakah maksud talak**? 2 markah**<br><br>***Maksud Talak ialah***<br>- Pembubaran perkahwinan oleh suami dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan | Perak<br>Putrajaya 1<br>Selangor |
| 2 | Nyatakan dua jenis talak ***(2 markah)***<br><br>***Jenis-jenis talak ialah*** ,<br>- Talak Raji'<br>- Talak Bain | Selangor |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 3 | Jelaskan jenis beserta contoh lafaz talak. **2 markah**<br><br>***Dua jenis lafaz talak beserta contoh:***<br>- Jelas (1m) : " Aku ceraikan engkau" (1m)<br>- Kiasan (1m) : "Pulanglah ke rumah ibumu" (1m) | Perak |
| 4 | Nyatakan hukum bagi situasi berikut. | |
| | Seorang suami menceraikan isterinya kerana perkahwinannya sering berlaku perbalahan yang tidak dapat didamaikan setelah proses mahkamah<br><br>***Hukum : wajib*** | Perak |
| | Ali menceraikan isterinya yang berkelakuan baik.<br>Encik S telah menderaikan isterinya yang baik akhlak<br><br>***Hukum : makruh*** | Perak<br>Selangor |
| | Apabila suami menceraikan isteri yang berkelakuan baik atau menceraikan isteri tanpa sebab<br><br>***Hukum : Makruh*** | Putrajaya 1 |
| | Apabila suami menceraikan isteri dalam keadaan haid atau ketika suci tetapi telah disetubuhi tanpa diketahui hamil atau tidak<br><br>***Hukum : haram*** | Putrajaya 1 |
| | Encik X menceraikan isterinya yang sedang hamil<br><br>***Hukum : Haram*** | Selangor |
| 4 | Jelaskan situasi bagi hukum talak berikut ***(2 markah)***<br>a) Wajib<br>b) Haram<br><br>***a) Wajib:***<br>Apabila berlaku perbalahan antara suami isteri yang tidak dapat didamaikan setelah melalui proses mahkamah<br>***b) Haram:***<br>Apabila suami menceraikan isteri dalam keadaan haid / ketika suci tetapi telah disetubuhi tanpa diketahui hamil atau tidak. | Kedah |
| | **IDAH** | |
| 1 | Apakah maksud idah ***(2 markah)***<br><br>***Idah bermaksud***<br>- Tempoh masa yang perlu dilalui oleh seorang isteri (1m) selepas pembubaran perkahwinan atau selepas kematian suami | N9 |
| 2 | Nyatakan **dua** larangan semasa iddah. ***[2 markah]***<br>**Jelaskan dua larangan bagi wanita yang berada dalam idah Raji'e (n9)**<br><br>**Dua larangan semasa Iddah**<br>- Menerima pinangan lelaki lain secara terang atau kiasan<br>- Keluar daripada rumah yang disediakan oleh suami (Kecuali untuk keperluan yang dibenarkan oleh syarak)<br>- Berhias diri kecuali wanita yang dalam iddah raji'e.<br>***Catatan***<br>***(Jawapan Berhias diri tidak diterima dalam soalan N9 : idah raj'ie)*** | Melaka<br>N9 |

<table>
<tr><th>NO</th><th>SOALAN DAN SKEMA</th><th>NEGERI</th></tr>
<tr><td>3</td><td>Lengkapkan jadual berikut ( 2markah)<br><table><tr><th>Situasi</th><th>Tempoh iddah bercerai hidup</th></tr><tr><td>Belum putus haid</td><td>3 kali suci</td></tr><tr><td>Sedang hamil</td><td>Sehingga melahirkan anak</td></tr></table></td><td>Melaka</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Nyatakan idah bagi situasi berikut ( 2 markah)<br>a) Isteri yang bercerai mati dan belum putus haid<br>b) Isteri yang bercerai hidup dan belum pernah disetubuhi<br><br>Idah bagi situasi tersebut<br>a) 4 bulan 10 hari<br>b) Tiada idah</td><td>N9</td></tr>
<tr><td></td><td>FASAKH</td><td></td></tr>
<tr><td>1</td><td>Apakah maksud fasakh (2 markah)<br><br>Maksud fasakh ialah<br>- pembubaran perkahwinan melalui kuasa hakim/1m dengan sebab-sebab tertentu./1m</td><td>Kedah<br>Putrajaya 2</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Jelaskan contoh sebab diharuskan fasakh. [2 markah]<br><br>Contoh sebab diharuskan fasakh<br>Suami sering memukul hingga menyebabkan kecederaan fizikal</td><td>Putrajaya 2</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Terangkan dua kesan fasakh kepada suami isteri. [4 markah]<br><br>Dua kesan fasakh terhadap suami isteri:<br>- Suami dan isteri tidak boleh rujuk semula (1m) dalam tempoh idah (1m).<br>- Mereka boleh berkahwin semula (1m) dengan akad nikah dan mahar yang baharu (1m).</td><td>Putrajaya 2</td></tr>
<tr><td></td><td>FARAID</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>Faraid merupakan salah satu cabang pengurusan harta dalam Islam.</td><td></td></tr>
<tr><td>1</td><td>Nyatakan maksud faraid ( 2 markah)<br><br>Maksud faraid ialah pembahagian harta seorang Islam yang telah meninggal dunia (1m) kepada anggota warisnya menurut syarak. (1m)</td><td>Sabah<br>SBP<br>Sarawak</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Nyatakan dua rukun faraid. (2 markah)<br><br>Dua rukun Faraid<br>- Waris<br>- Harta Pusaka<br>- Orang yang mewariskan harta<br>-</td><td>Terengganu<br>SBP<br>Sarawak</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Jelaskan dua syarat sah bagi waris yang berhak menerima faraid. (2 markah)<br><br>Dua syarat sah bagi waris yang berhak menerima faraid<br>- Waris masih hidup<br>- Mengetahui status hubungan dengan si mati</td><td>Terengganu</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>NO</th><th>SOALAN DAN SKEMA</th><th>NEGERI</th></tr>
<tr><td>4</td><td>Jelaskan dua perbezaan antara Faraid dan wasiat. (4 markah)<br><br>Perbezaan faraid dan wasiat
<table>
<tr><td>Faraid</td><td>Wasiat</td></tr>
<tr><td>Hukumnya wajib</td><td>Hukumnya sunat</td></tr>
<tr><td>Diberi kepada waris sahaja</td><td>Boleh diberi kepada selain waris</td></tr>
<tr><td>Kadar pembahagian harta mengikut syarak</td><td>Kadar pembahagian harta tidak lebih daripada 1/3</td></tr>
</table></td><td>Terengganu</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Seorangt isteri meninggaldunia dan mempunyai suami, bapa, ibu dan seorang anak perempuan. Berapakah bahagian faraid bagi (2 markah)<br>(a) Suami<br>(b) Ibu<br><br>Bahagian Faraid bagi indivifu berikut<br>- Suami : 1/4<br>- Ibu : 1/6<br>-</td><td>Terengganu</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Nyatakan pembahagian harta pusaka bagi isteri yang kematian suami: (2 markah)<br>1) Sekiranya tiada anak.<br>2) Sekiranya mempunyai anak.<br><br>Bahagian Faraid untuk isteri berdasarkan situasi di atas<br><br>1) Sekiranya tiada anak = 1/4<br>2) Mempunyai anak = 1/8</td><td>Sarawak</td></tr>
<tr><td>7</td><td>Terangkan dua hikmah pensyariatan faraid. [4 markah]<br><br>Dua hikmah pensyariatan faraid ialah :<br>- Mengelakkan berlakunya pertelingkahan [1m] supaya tidak menjejaskan kebahagian dalam keluarga [1m].<br>- Menjamin kelangsungan hidup waris [1m] agar kehidupan terjamin [1m].<br>- Menegakkan keadilan bagi pihak waris [1m] supaya tidak ditipu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab [1m].<br>- Mengekalkan kasih sayang dalam keluarga [1m] agar hidup dalam harmoni [1m].</td><td>Sabah<br>SBP</td></tr>
<tr><td></td><td>SOLAT SUNAT ISTIKHARAH</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>Umat Islam digalakkan mengerjakan solat sunat istikharah bagi menyelesaikan jalan buntu.</td><td></td></tr>
<tr><td>1</td><td>Apakah maksud solat sunat istikharah? (2 markah)<br><br>Maksud Solat sunat Istikharah ialah<br>- Solat yang dilakukan untuk mendapat petunjuk Allah SWT (1m) dalam menentukan pilihan dalam sesuatu perkara (1m)</td><td>Perak<br>Melaka<br>Pahang<br>Johor<br>Perlis<br>Putrajaya 2</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Nyatakan hukum menunaikan solat sunat Istikharah (1 markah)<br><br>Hukum menunaikan solat sunat Istikharah :<br>- Sunat</td><td>Johor</td></tr>
</table>

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 3 | Terangkan **dua** hikmah solat sunat Istikharah. (***4 markah)***<br><br>***Dua hikmah solat sunat Istikharah ialah***<br>- Meningkatkan keimanan kepada Allah SWT (1m) kerana menjadikan Allah SWT sebagai tempat pergantungan (1m)<br>- Mendidik umat islam agar sentiasa memohon sesuatu kepada Allah terutama dalam membuat keputusan(1m) supaya hidup lebih diberkati Allah SWT.(1m)<br>- Menjauhkan diri daripada perbuatan syirik dengan memohon bantuan selain Allah SWT (1m) kerana mentaati perintahNya. (1m)<br>***Catatan :***<br>***Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima*** | Perak<br>Pahang<br>Perlis<br>Putrajaya 2 |
| 4 | Jelaskan kaifiat menunaikan solat sunat istikharah daripada aspek bacaan dalam solat ***(2 markah)***<br><br>***Kaifiat menunaikan solat sunat istikharah daripada aspek bacaan dalam solat*** :<br>- Rakaat pertama : membaca surah al-Fatihah, diikuti surah al-Kafirun atau surah lain.<br>- Rakaat kedua : membaca surah al-Fatihah, diikuti surah al-Ikhlas atau surah lain. | Pahang |
| 5 | Jelaskan tiga kaifiat menunaikan solat sunat Istikharah ***(3 markah)***<br>Jelaskan **dua** cara pelaksanaan solat sunat istikharah. ***[4 markah***]<br>**Tiga** kaifiat menunaikan solat sunat Istikharah :<br>- Niat solat sunat Istikharah<br>- Dilakukan secara bersendirian<br>- Dilakukan sebanyak 2 rakaat<br>- Membaca surah al-Fatihah dan diikuti surah al-Kafirun atau surah lain pada rakaat pertama<br>- Membaca surah al-Fatihah dan diikuti surah al-Ikhlas atau surah lain pada rakaat kedua<br>- Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam<br>- Berdoa dengan doa-doa yang sesuai<br>- | Johor<br>Perlis |
| | **SOLAT SUNAT TASBIH** | |
| | Solat sunat tasbih sangat dituntut dalam Islam | |
| 1 | Nyatakan maksud solat sunat tasbih ***(2 markah)***<br><br>***Maksud solat sunat tasbih***:<br>- Solat sunat khusus yang mengandungi bacaan tasbihsebanyak 300 kali / pada keseluruhan solat.<br>- | Kelantan |
| 2 | Jelaskan **dua** hikmah menunaikan solat sunat tasbih. ***(4 markah)***<br><br>***Hikmah menunaikan solat sunat tasbih***:<br>- Mendapat keampunan Allah kerana mengamalkan sunnah Rasulullah SAW.<br>- Meraih ganjaran yang besar daripada Allah SWT kerana banyak bertasbih.<br>- Memberi ketenangan jiwa kerana banyak berzikir kepada Allah SWT | Kelantan |